

Sektor pembinaan, hartanah dijangka rancak 2026

2026 dijangka menjadi tahun yang rancak bagi sektor pembinaan dan tahun menarik bagi sektor hartanah negara, dipacu pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur mega dan kepesatan pembangunan pusat data, kata penganalisis.

RHB Research dalam nota penyelidikan terbaharunya memberikan penarafan 'Wajaran Tinggi' kepada kedua-dua sektor itu, menandakan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan yang cerah.

Ia berkata, aliran kerja pembinaan dijangka kekal kukuh pada 2026, didorong pakej kerja yang belum dianugerahkan lagi berkaitan projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang untuk pakej sistem yang dianggarkan antara RM3 bilion hingga RM4 bilion dan satu lagi pakej untuk laluan dari Macallum di Pulau Pinang ke Penang Sentral dianggarkan RM5 bilion hingga RM6 bilion.

Katanya, projek utama lain yang perlu diberi perhatian pada 2026 termasuk projek Transit Laju Autonomi Bertingkat Johor Bahru (e-ART), yang mungkin menelan kos RM6 bilion hingga RM7 bilion.

"Projek e-ART Johor Bahru kini di peringkat penilaian permin-



Aliran kerja pembinaan dijangka kekal kukuh tahun depan berkait projek LRT Pulau Pinang.
(Foto fail NSTP)

taan cadangan dan sedang diperhalusi oleh Unit Perkongsian Awam-Swasta atau UKAS selepas beberapa cadangan tidak memenuhi piawaian diperlukan.

"Selain itu, sebarang anugerah kontrak berpotensi berkaitan projek MRT3, yang pada pandangan kami, mungkin menjelang akhir 2026, sepatutnya menjadi lebih menarik," katanya.

Di samping projek infrastruktur awam, RHB Research berkata, pembangunan pusat data ke-

kal utuh bagi Malaysia dengan menurut Cushman & Wakefield, Johor mempunyai kira-kira 1,324 megawatt kapasiti pusat data yang dirancang pada separuh pertama 2025.

Katanya, dengan mengandikan kos pembinaan konservatif sebanyak RM20 juta setiap megawatt, 1,324 megawatt kapasiti terancang di negeri itu diterjemahkan kepada potensi nilai kontrak sebanyak RM26.5 bilion.

Ia disokong lagi oleh syarikat

multinasional seperti Microsoft, yang akan membangunkan rantau awan baharunya di Johor Bahru yang dikenali Southeast Asia 3, tambahnya.

Mengenai sektor hartanah, RHB Research berkata, pihaknya mengekalkan pendirian positif terhadap sektor itu memandangkan permintaan untuk hartanah kekal kukuh berdasarkan angka jualan hartanah dalam tempoh sembilan bulan tahun ini yang dilaporkan pemaju.

Ia berkata, permintaan untuk hartanah kekal berdaya tahan dan kukuh walaupun pelaksanaan peluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dan subsidi bahan api bersasar.

Katanya, pada suku ketiga 2025, jualan hartanah agregat melonjak 40 peratus dari suku ke suku dan 45.6 peratus dari tahun ke tahun.

Katanya, jualan yang kukuh terutama berikutan masa pelancaran oleh pemaju memandangkan kebanyakan mereka meningkatkan pelancaran projek bermula akhir suku kedua.

"Apa yang lebih penting, angka jualan menunjukkan permintaan yang kukuh terhadap hartanah setakat ini, terutama selepas pelaksanaan peluasan SST dan BUDI95," katanya.